

# PM: Tiada kontrak baru

UM 1 1 NOV 2001

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB  
dan KAMARUDDIN MAT AKIB

DUNGUN 10 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan memberi kontrak baru kepada mana-mana kontraktor yang menjualnya kepada pihak lain untuk mendapatkan keuntungan.

Perdana Menteri yang kecewa dengan sikap kontraktor tersebut menegaskan: "Sekarang ini kita nak tentukan siapa yang jual kontrak ini. Tiada lagi kontrak untuk orang ini."

Tindakan tegas itu, kata beliau, perlu bagi memastikan hanya kontraktor tulen sahaja berpeluang mendapat tender di masa depan.

## ● Kontraktor kecil kendali projek makmal komputer — Muka 2

Ketika ditemui oleh pemberita selepas merasmikan Hari Peneroka Negara di Bandar Ketengah Jaya, di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata:

"Ini masalah yang kita hadapi... selalu bila kita bagi kontrak, lesen, AP (permit import), bukan perniagaan yang dibuat sebaliknya jual kontrak, jual AP, jual lesen...sebab itu masalah.

"Kita nak kaji semula (pemberian tender kepada kontraktor). Kita juga mahu mengingatkan peniaga, kontraktor dan siapa saja yang berniaga supaya jangan minta kontrak, jangan minta lesen daripada kerajaan dengan niat nak jual."

Dr. Mahathir mengulas pendedahan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin, semalam bahawa hampir kesemua kontraktor yang dilantik gagal menyiapkan projek makmal komputer di seluruh negara, mengikut jadual.

Menurut Aziz, projek tersebut sepatutnya siap sepenuhnya bulan depan

■ Lihat muka 4

UM 1 1 NOV 2001

kini terbenkakai.

Sehubungan itu katanya, kementerianya akan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor terbahit dan nasibnya akan ditentukan penghujung bulan ini.

Perdana Menteri menambah, masalah seumpama itu sering dihadapi kerana banyak kontraktor yang lebih suka menjual atau menjaja kontrak mereka untuk mendapatkan keuntungan cepat.

Dalam hal ini katanya, kerajaan akan berusaha menghentikan amalan negatif tersebut.

Sehubungan itu juga, kata Perdana Menteri, kerajaan akan mengkaji semula kaedah pemberian tender kepada kontraktor.

Menurut beliau, sudah menjadi lumrah di negara ini ada kontraktor yang mendapat kontrak menjaja mereka mendapat kontrak besar, dengan tujuan untuk menjualnya bagi mendapat komisyen.

"Cuma beberapa kerat sahaja kontraktor yang betul-betul berniaga (selepas mendapat kontrak) dan mereka berjaya," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ma-

## PM: Tiada kontrak baru

salah ini sering dihadapi oleh kerajaan, bukan saja melibatkan kontrak, tetapi juga lesen dan AP.

Katanya, mereka menjual apa saja yang diberikan oleh kerajaan, termasuk permit teksi, bagi mendapat untung tanpa mengusahakan sendiri apa yang telah diberikan kepada mereka.

"Kita fikir bermacam-macam cara untuk menolong bumiputera tetapi bumiputera sendiri yang membuat angkara. Mereka sendiri yang menentukan mereka tidak berjaya.

"Selagi tabiat ini ada, *sorry*lah kita tidak boleh (berjaya),"kata beliau.

Mengenai kelewatan dalam pelaksanaan projek makmal komputer, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji semula kaedah pengagihan kontrak kepada kontraktor yang dilantik.

Bagaimanapun, katanya, sebelum sebarang tindakan diputuskan, gambaran sebenar berhubung pembinaan 2,000 makmal itu akan diteliti terlebih dahulu.

"Kita belum menilai jadual, bila

dia (kontraktor) perlu siap, tetapi pada waktu ini banyak yang belum siap. Sebelum kita berkata apa-apa, kita perlu buat kajian.

"Kita perlu kaji sama ada projek itu separuh siap, tidak siap atau tidak dimulakan sama sekali. Ini jelas maknanya mereka gagal," kata Perdana Menteri.

Beliau menarik perhatian, kelewatan itu kononnya dikatakan berpunca daripada tiga syarikat dipilih untuk melaksanakan projek berkenaan yang tentunya tidak berupaya dan terpaksa memilih syarikat-syarikat bumiputera lain untuk membangunkannya.

"Yang menjadi masalah ialah syarikat bumiputera yang dipilih oleh mereka tidak melakukannya sebaliknya menjual kontrak itu kepada orang lain yang kemudian turut menjualkannya untuk mengambil untung mudah," katanya.

Oleh sebab itu, katanya, apabila sampai ke peringkat syarikat yang mahu melaksanakannya, harganya menjadi terlalu murah dan ia menanggung kerugian serta tidak dapat menjalankan kerjanya.